Kenyataan Media

SEORANG INDIVIDU DIKOMPAUN RM10,000 KERANA MUAT NAIK KANDUNGAN JELIK MELAMPAU

CYBERJAYA, 7 Mei 2025 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mengenakan kompaun berjumlah RM10,000 terhadap seorang individu, Mohamad Shafiq Bin Abdul Halim kerana memuat naik kandungan jelik melampau membabitkan sentimen kaum dan agama berkaitan isu pekerja Menara KL di aplikasi TikTok pada 31 Mac lalu.

Tindakan ini diambil setelah mendapat izin pengkompaunan dari Jabatan Peguam Negara serta hasil siasatan yang dijalankan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], yang memperuntukkan larangan terhadap penggunaan kemudahan rangkaian, perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi bagi tujuan penyebaran kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik melampau.

MCMC menasihati semua pengguna media sosial agar sentiasa bertanggungjawab dan beretika dalam memuat naik atau berkongsi kandungan. Penyebaran kandungan berunsur jelik melampau, khususnya yang boleh menjejaskan sensitiviti agama, kaum atau institusi diraja, tidak akan dikompromi.

MCMC menegaskan komitmen dalam memastikan ruang siber negara kekal selamat, teratur dan harmoni, selari dengan usaha memperkukuh perpaduan nasional serta keharmonian masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my
Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia | MCMC_RASMI | SKMM_MCMC | MCMCTV